

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN PENGETAHUAN ISI KANDUNGAN(PIK) BIDANG JAWI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM**

### **[FACTORS THAT INFLUENCE THE MASTERY OF KNOWLEDGE IN JAWI FIELD AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS]**

MUHAMMAD FUAD AHMAD TAJUDDIN<sup>1\*</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

---

*Received: 7 December 2021*

*Accepted: 15 December 2021*

*Published: 4 January 2022*

---

**Abstrak:** Pendidikan Islam adalah salah satu mata pelajaran yang sangat penting dalam sistem Pendidikan Malaysia. Salah satu bidang yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ialah Jawi. Antara faktor keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bidang Jawi ialah penguasaan guru terhadap pengetahuan isi kandungan (PIK) ataupun content knowledge. PIK adalah asas yang pertama dalam model Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) yang dipelopori oleh Shulman. Bagi bidang jawi , segala kemahiran, kaedah dan hukum ejaan Jawi yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mestilah berdasarkan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan ( PEJYD). Oleh itu , objektif kertas konsep ini ialah adalah untuk mengkaji tahap penguasaan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam bidang Jawi dan mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (content knowledge ) Jawi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Metodologi yang digunakan ialah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Rujukan dari jurnal-jurnal ilmiah, laporan kajian, buku-buku serta tesis yang berkaitan digunakan bagi mengumpul maklumat. Hasil kajian menunjukkan terdapat kelemahan GPI dalam pengetahuan isi kandungan (PIK) terutamanya berkaitan dengan ejaan Jawi. Faktor-faktor yang menjurus kepada kelemahan PIK bidang Jawi dalam kalangan GPI ialah faktor demografi, latihan dan sistem ejaan Jawi. Kesimpulannya semua pihak terutamanya GPI harus mempertingkatkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan PIK khususnya ejaan Jawi. Ini bagi memastikan PdP berkesan dan seterusnya meningkatkan kefahaman murid dalam bidang Jawi. Semoga dengan usaha ini, tulisan jawi akan terus disemarakkan.

**Kata kunci:** Pengetahuan isi kandungan (PIK), Jawi, penguasaan, Guru Pendidikan Islam , faktor.

**Abstract:** Islamic education is one of the most important subjects in the Malaysian Education system. One of the areas in Islamic Education is Jawi. Among the factors that are effective in teaching and learning (PdP) in Jawi field are the mastery of teachers towards the knowledge of content (PIK) or content knowledge. PIK is the first foundation in theContent Pedagogical Knowledge (PPIK) model pioneered by Shulman. For jawi field, all skills, methods and spelling laws of Jawi contained in the Standard Document curriculum and Assessment (DSKP) must be based on the Completed Jawi Spelling Guidelines (PEJYD). Therefore, the objective of this concept paper is to study the level of mastery of Islamic Education Teachers (GPI) in jawi field and identify what are the factors that influence the mastery of jawi content knowledge among Islamic Education Teachers (GPI). The methodology used is the study of the extinction and analysis of documents. References from scientific journals, study

reports, books and related thesis are used to gather information. The results showed that there are weaknesses in GPI in the knowledge of the content (PIK) especially in relation to the spelling of Jawi. Factors that lead to the weakness of Jawi PIK among GPI are demographic factors, latihan and Jawi spelling system. In conclusion, all parties especially GPI should improve knowledge related to PIK especially the spelling of Jawi. This is to ensure that pdp is effective and thus increases the understanding of students in jawi field. Hopefully with this effort, Jawi writing will continue to be disintested.

**Keywords:** Content knowledge (PIK), Jawi, mastery, Islamic Education Teacher, Content knowledge (PIK), Jawi, mastery, Islamic Education Teacher, factors.

**Cite This Article:**

Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli. 2022 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan (Pik) Bidang Jawi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam [Factors That Influence The Mastery of Knowledge in Jawi Field among Islamic Education Teachers]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 56-72.

## PENGENALAN

Tulisan Jawi adalah satu-satunya tulisan asal menjadi milik dan identiti orang Melayu serta mempunyai peranan besar terhadap pembinaan tamadun bangsa khususnya dalam bidang ilmu pengetahuan dan keintelektualan (Mohd Mokhtar t.th; Norhazliana, Saedah, Zaharah et al. 2010; Asyraf Ridwan & Berhanundin 2015). Ia juga merupakan lambang keistimewaan Melayu, namun ia semakin terhakis sedikit demi sedikit dan terus luntur ekoran pengisytiharan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu (Hamdan 2003; Mohd Alwee 2005; Hashim & Adi Yasran 2009, Faisal & Niswa 2009; Che Wan Shamsul Bahri 2014) seperti mana yang diputuskan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Hilangnya tulisan jawi ini, hilang jiwa dan jati diri bangsa Melayu (Hashim & Adi Yasran, 2009). Penetapan akta tersebut telah memberi impak yang sangat besar kepada tulisan Jawi di negara ini hingga menyebabkan sebilangan besar daripada generasi muda pada waktu itu tidak mahir membaca dan menulis Jawi (Awang 1989; Nik Rosila 2007; Hashim & Adi Yasran 2009; Asyraf Ridwan & Berhanundin 2015), malah ada segelintir daripadanya yang buta Jawi (Mohd Alwee 2005, Hashim & Adi Yasran 2009; Norhazliana, Saedah, Zaharah et al. 2010).

Pada tahun 1985, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengorak langkah permulaan dengan mewajibkan tulisan Jawi di sekolah rendah agama dan memperuntukkan waktu pengajaran Jawi yang mula diajar di peringkat darjah tiga sekolah rendah (Norhazliana, Saedah, Zaharah et al. 2010). Pada tahun 2003, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memasukkan Pelajaran Jawi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan menekankan kemahiran membaca dan menulis Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia 2003; Faisal & Niswa 2009; Nazimah 2013). Pada tahun 2004 pula, program Jawi-Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-Qaf) diperkenalkan dengan menetapkan antara objektif utamanya juga adalah untuk meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah (Faisal & Niswa 2009; Hashim & Adi Yasran 2009, Akmariah & Sofiah 2010, Nazimah 2013; Salleh & Asyraf Ridwan 2014). Pada tahun 2015, Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM telah memperkenalkan Kem Cemerlang Jawi (KCJ). KCJ ini merupakan aktiviti pembelajaran yang mesti diikuti oleh murid-murid yang lemah dalam Jawi. Ia perlu diajar

dengan menggunakan metodologi dan teknik yang berkesan supaya mereka dapat menguasai kemahiran mengenal, membaca dan menulis dengan sempurna (BPI, KPM 2015).

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bidang Jawi diberi penekanan di sekolah rendah. Namun begitu, penekanan kurang diberikan di sekolah menengah. Implikasinya menyebabkan generasi muda agak lemah penguasaan tulisan dan bacaan jawi. Manakala di peringkat pendidikan tinggi seperti di IPTA, IPTS dan IPG, bidang jawi hanya diajar dalam bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu (M. Bukhari Lubis, 2012). Sebaliknya di fakulti-fakulti Pengajian Islam seperti usuluddin, syariah, dakwah dan sebagainya tidak menekankan pendidikan Jawi sedangkan para mahasiswa-mahasiswinya merupakan pengamal tegar tulisan ini. Impaknya, generasi bakal bergelar ustaz dan ustazah ini tidak terdedah dengan sistem ejaan jawi yang terkini (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2014).

Berdasarkan kajian-kajian lepas masih terdapat kelemahan penguasaan ilmu tulisan Jawi dalam kalangan pelajar dan guru (Norizan & Nor Azan, 2013) (Akamariah & Sofiah, 2010). Persoalan yang timbul apakah sebab atau faktor yang mendorong terjadinya permasalahan penguasaan tulisan Jawi dikalangan pelajar dan guru? Siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab dan memainkan peranan untuk memperkasakannya kembali? Apakah ada lompang-lompang yang ada dalam kajian terdahulu yang boleh ditambah baik ? Terdapat beberapa persoalan yang belum dapat merungkai permasalahan penguasaan tulisan Jawi ini terutamanya penguasaan dikalangan Guru Pendidikan Islam.

Diharapkan dengan penulisan kertas konsep ini akan memberi maklumat dan idea untuk semua pihak yang berada di bawah naungan KPM seperti Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, panitia pelajaran dan termasuk juga pihak yang mempunyai kepentingan dalam pemerkasaan tulisan Jawi iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tentang situasi sebenar yang berlaku. Ini adalah untuk melihat semula dan menghasilkan pelan tindakan yang bersepdu dan jitu agar tulisan Jawi dapat dikuasai oleh masyarakat khususnya pelajar dan guru.

Justeru itu, bidang Jawi adalah satu komponen yang sangat penting dalam Pendidikan Islam. Antara kriteria kejayaan dan penguasaan seseorang murid dalam Pendidikan Islam ialah dia mampu untuk membaca dan menulis Jawi dengan baik. Tidak hanya pada murid, guru juga perlu menambahkan lagi ilmu berkaitan dengan Jawi agar penyampaian ilmu kepada murid menjadi lebih berkesan. Begitu juga masyarakat perlu juga mempelajari ilmu Jawi kerana ini dapat membantu tulisan jawi untuk terus dipertahankan dan dipandang tinggi..

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sejarah Pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa Pendidikan Islam diajar melalui pelbagai cara dengan menggunakan buku-buku atau teks yang ditulis dalam tulisan Jawi. Oleh itu, tulisan Jawi merupakan medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia pada hari ini terutama dalam pembelajaran al-Quran (Kang Kyoung Seouk,1990). Namun timbul pelbagai isu dan kelemahan dalam tulisan jawi ini. Kajian-kajian lepas mendapatkan bahawa penguasaan pelajar terhadap pelajaran Jawi berada pada tahap yang membimbangkan (Asyraf Ridwan & Berhanuddin, 2015). Menurut Nik Rosila (1997), kelemahan dalam membaca dan menulis Jawi di sekolah rendah dan menengah menyebabkan murid tidak dapat membaca buku teks Pendidikan Islam yang ditulis dalam huruf Jawi. Situasi

ini mengurangkan keupayaan mereka untuk memahami kandungan Pendidikan Islam, mengurangkan minat terhadap Pendidikan Islam. Kajian yang dilakukan oleh Noor Azli (2014) menunjukkan lebih 15 % pelajar darjah 3,4 dan 5 belum boleh membaca Jawi. Masalah ini menyebabkan pelajar sukar membaca buku teks di sekolah rendah agama dan buku Pendidikan Islam di sekolah rendah kebangsaan dan seterusnya mengurangkan keupayaan mereka untuk memahami kandungan semua mata pelajaran di sekolah rendah agama seperti pelajaran tauhid, sirah, tajwid, akhlak yang mana semuanya diajar menggunakan tulisan Jawi.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar dalam membaca dan menulis menggunakan tulisan Jawi. Menurut Nik Rosila (1997), pelajar mempunyai sikap negetif terhadap pelajaran Jawi kerana mereka merasakan sukar dipelajari malah dirasakan tidak penting. Ini kerana ianya tidak dinilai dalam peperiksaan. Selain itu, pelajar juga keliru dengan pengkaedahan Jawi Moden dan Jawi tradisional. Mereka merasakan tulisan Jawi lebih rumit dan konservatif berbanding tulisan Rumi dan hanya digunakan dalam bidang agama Islam sahaja (Hazlan, 2019).

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga merupakan antara faktor mempengaruhi kelemahan pelajar. Dalam proses PdP Jawi, metodologi yang digunakan guru adalah amat penting bagi merangsang pelajar untuk berjaya dan meminati pelajaran tersebut. Terdapat kajian yang mendapati bahawa murid lemah dalam mata pelajaran dipelajari adalah disebabkan faktor PdP guru kurang memberangsangkan untuk menarik minat pelajar (Nur Syamira et al. 2017; Noor Asmina et al. 2019). Kajian Ismail (2001) yang dinyatakan oleh (Norizan & Nor Azan, 2013), pembelajaran menulis Jawi perlu bermula pada peringkat awal umur dengan cara dan kaedah yang betul. Dengan terbentuknya kesedaran minat dalam diri pelajar, sudah pasti akan terlaksana matlamat dan usaha yang berterusan mampu mengekalkan momentum untuk memperkasakan Jawi dalam masyarakat.

Faktor ilmu guru juga memainkan peranan yang sangat penting dari segi keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran Jawi. Menurut Bashah et al., (2012) faktor yang menyebabkan kelemahan dalam pengajaran Jawi di sekolah rendah ialah guru Pendidikan Islam tidak mempunyai kemahiran khusus dalam Jawi. Faktor kelemahan guru dari sudut penguasaan ilmu Jawi atau pengetahuan kandungan (content knowledge) agak dominan. Menurut Al-Johary dan Taat ( 2019), faktor yang dirasakan agak ketara ialah faktor yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Secara umum dapatlah dinyatakan bahawa sebahagian guru Bahasa tidak mengajarkan pelajaran Jawi dengan kaedah yang betul. Misalnya, tidak ramai kalangan guru yang menerangkan tentang aspek peraturan atau hukum-hukum Jawi secara terperinci, melainkan hanya mengajar secara rutin pada setiap pengajaran dengan menulis ejaan rumi ke jawi atau sebaliknya berpandukan buku teks, menyalin rencana dan menulis tulisan Jawi. Hasil rumusan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Haiy Rosman (2021) ke atas 100 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah di bawah pentadbiran PPD Klang berkenaan hubungan di antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran mata pelajaran Jawi mendapati terdapat hubungan yang positif (korelasi positif antara dua pemboleh ubah). Ini bermakna terdapat kaitan antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran bagi mata pelajaran Jawi.

Menurut Ali, Abdullah dan Rashid (2018), masih terdapat para guru yang gagal menguasai kemahiran Jawi dan lebih membimbangkan masih ada segelintir guru pendidikan islam yang ‘buta’ jawi. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh al-Johary dan Taat ( 2019) ke atas guru sekolah rendah di negara Brunei Darussalam. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat

hubungan positif yang signifikan di antara variable-variabel tahap penguasaan Jawi dan proses pengajaran Jawi. Ini bermaksud semakin tinggi penguasaan Jawi dan penguasaan kurikulum seseorang guru itu, maka semakin bagus dan berkeyakinan proses pengajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Keadaan ini sudah tentu akan membantu murid-murid untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan dan seterusnya akan dapat meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid-murid.

Kesimpulannya antara faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Jawi ialah minat pelajar, sikap pelajar, kelemahan guru dari segi penguasaan ilmu Jawi dan juga pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Masih terdapat lompong yang masih belum dikaji dan boleh ditambah baik seperti sistem latihan guru yang terancang, bersepadu dan terkini. Begitu juga saluran penyampaian ilmu tulisan Jawi yang perlu diselaraskan dengan baik. Bahan sokongan seperti modul dan Bahan Bantu Belajar (BBB) perlu disemak dan diteliti semula keberkesanannya. Kesemua lompong-lompong ini saling berkait antara satu sama lain.

## **TUJUAN**

Kertas Konsep ini bertujuan untuk mengetahui konsep pengetahuan isi kandungan pengajaran(PIK) bidang jawi. Objektif utama yang ingin dicapai adalah untuk mengkaji tahap penguasaan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam bidang Jawi dan mengenal pasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (content knowledge) bidang Jawi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI).

## **KONSEP PENGETAHUAN PEDAGOGI ISI KANDUNGAN (PPIK)**

Aktiviti mengajar secara umumnya diterjemahkan sebagai suatu proses memindahkan ilmu dan kemahiran dari seorang guru kepada individu atau kelompok murid yang mengikuti sesuatu pembelajaran. Hal ini bererti untuk mengajar dan memindahkan ilmu pengetahuan, individu yang mengajar itu haruslah mempunyai pengetahuan dan menguasai kandungan ilmu tentang apa yang diajarnya. Penguasaan pengetahuan isi kandungan subjek dilihat sebagai suatu aspek yang amat penting dan merupakan asas yang paling fundamental dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia menggambarkan pemahaman guru tentang subjek yang diajar (Kleickmann et al., 2013) dan juga kefahaman guru terhadap konsep dan fakta dalam domain yang lebih khusus (Abd. Shukor & Noran Fauziah, 2016).

Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) guru merupakan idea yang telah dibangkitkan oleh Shulman (1987) sebagai salah satu kategori pengetahuan seseorang guru. Shulman menerangkan ianya terdiri dari dua domain pengetahuan khusus iaitu pengetahuan ilmu kandungan (PIK) dan pengetahuan pedagogi. Pengetahuan ilmu kandungan (PIK) merujuk kepada bidang pengetahuan guru tentang ilmu kandungan sesuatu mata pelajaran manakala pengetahuan pedagogi pula adalah berkaitan dengan pengetahuan mengenai strategi pengajaran yang khusus. PPIK sering digunakan untuk menjelaskan kefahaman guru tentang apa yang menjadikan pembelajaran tajuk tertentu senang atau sukar yang selalunya dikaitkan dengan konsepsi, prakonsepsi dan salah konsep yang dimiliki oleh murid (Shulman, 1986). Menurut

beliau lagi, guru yang baik perlu memiliki Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) sesuatu subjek supaya mereka dapat mengajar dengan baik subjek tersebut.

Shulman (1987) menjelaskan antara teras bagi PPIK ialah, pengetahuan isi kandungan (content knowledge), pengetahuan pedagogi am (general pedagogical knowledge), pengetahuan kurikulum (curriculum knowledge), pengetahuan kandungan pedagogi (pedagogical content knowledge), pengetahuan tentang pelajar dan ciri-ciri pelajar (knowledge of learners and their characteristics) dan pengetahuan tentang matlamat-matlamat Pendidikan (knowledge of educational end). Terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis pengetahuan utama atau pengetahuan profesional yang perlu dimiliki oleh setiap warga pendidik, iaitu a) pengetahuan isi kandungan b) pengetahuan pedagogi c) pengetahuan tentang pelajar (Zarima et al., 2016).

Dalam konteks Pendidikan Islam, Guru Pendidikan Islam perlu memiliki secara menyeluruh dan mendalam pelbagai ilmu pengetahuan khususnya ilmu mata pelajaran yang diajar (Mohamad Zarkhuan et al., 2018). Menurut pendapat al-Abrasyi (1974) dan al-Nahlawy (1983), menekankan bahawa seseorang guru perlu berusaha meningkatkan pengetahuan bidang ilmu yang diajar serta dapat menguasai pelbagai ilmu pengetahuan lain. Hal ini kerana seseorang guru yang mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu akan lebih dipercayai dan dihormati oleh pelajarnya. Abbudin Nata (2016) mengatakan ada tiga syarat khusus untuk profesionalisme seorang pendidik iaitu 1) seorang guru professional harus menguasai bidang ilmu pengetahuan yang akan diajarkan dengan baik. 2) seorang guru yang professional harus memiliki kemampuan menyampaikan ilmu yang dimilikinya (transfer of knowledge) . 3) Seorang guru professional harus berpegang teguh pada kod etika guru. Menurut Suyanto (2016) antara ciri pendidik yang mempunyai kompetensi professional ialah memiliki pengetahuan yang luas pada bidang studi yang diajarkan, memilih dan menggunakan pelbagai metode di dalam proses belajar mengajar. Musbikhin (2019) berpendapat kompetensi professional merupakan penguasaan materi pembelajaran secara luas dan mendalam yang harus dikuasai pendidik mencakup penguasaan kurikulum mata pelajaran di sekolah dan substansi keilmuan yang menaungi materi, serta penguasaan terhadap struktur dan metodologi keilmuan.

Dalam konteks pendidikan, *ta'lim* merujuk kepada proses pemindahan dan penyampaian ilmu daripada guru kepada pelajarnya. Justeru itu menjadi syarat penting bagi seseorang guru atau *mu'allim* memahami, mendalami dan menghayati bidang ilmu yang akan disampaikan kepada anak didiknya (Jaafar, 2012) . Ibnu Khaldun telah menggunakan terminologi *Malakah* di beberapa tempat dalam kitab Muqaddimahnya. Secara ringkasnya, *Malakah* adalah penguasaan dan kepakaran di dalam sesuatu bidang ilmu secara mendalam dan unik (Madin & Ahmad, 2015). Kesimpulannya , untuk menjadi seorang guru atau pendidik yang berjaya, professional dan berkompotensi yang tinggi mestilah menguasai sesuatu ilmu dalam bidangnya secara mendalam dan menjadi pakar dalam bidang tersebut. Ini akan menjadikan proses PdP akan lebih berkesan dan berjaya terutama dalam penguasaan oleh pelajar.

## PENGETAHUAN ISI KANDUNGAN (CONTENT KNOWLEDGE) BIDANG JAWI

Dalam kertas konsep ini, penumpuan hanya diberikan kepada aspek pertama PPIK sahaja iaitu pengetahuan isi kandungan(PIK). Maka tumpuan akan diberikan kepada pengetahuan guru

berkenaan dengan ilmu Jawi. Menurut Shulman (1987) pengetahuan isi kandungan ialah satu kefahaman yang mendalam tentang isi kandungan pelajaran yang akan diajar dan perlu selaras serta menepati spesifikasi kurikulum atau sukatan pelajaran yang ditetapkan. Noor Shah (2009) pula, telah membahagikan PIK ini kepada dua bahagian, iaitu Pengetahuan berkenaan Subjek dan Pengetahuan berkenaan Kurikulum. Pengetahuan berkenaan subjek bermaksud pengetahuan isi kandungan bagi sesuatu subjek tertentu. Pengetahuan berkenaan subjek bukan sahaja berkenaan perkara yang telah ditulis dalam buku teks, tetapi juga melibatkan konsep dan cara mengadaptasi pelajaran tersebut dalam kehidupan seharian. Oleh itu, secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa pengetahuan kandungan (content knowledge) adalah ilmu, pengetahuan, maklumat atau penguasaan seseorang guru tentang isi kandungan sesuatu mata pelajaran yang diajarnya. Ketinggian tahap penguasaan atau kedalaman ilmu pengetahuan tentang isi kandungan sesuatu mata pelajaran merupakan aset paling berharga dan asas paling utama yang harus dimiliki oleh setiap guru yang berada dalam profesion keguruan. Kejayaan seseorang guru menghasilkan pengajaran yang berkualiti dapat diukur melalui pengetahuan kandungan pelajaran yang dimilikinya kerana tahap penguasaan pengetahuan kandungan sering membezakan keberkesanan pengajaran seseorang guru dengan guru yang lain walaupun menggunakan kaedah serta strategi pengajaran yang sama (Naquiah & Jimaaín, 2017).

Dalam konteks mata pelajaran Jawi, pengetahuan isi kandungan (PIK) mestilah berkisar kepada kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum sekarang ini berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang terdapat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi bidang Jawi, objektif yang ingin dicapai ialah membaca, membina dan menulis ayat atau teks dalam tulisan jawi dan khat serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa. Dan fokus bagi bidang Jawi secara umum ialah murid dibekalkan dengan kemahiran menyebut, membaca dan menulis huruf-huruf jawi, suku kata, perkataan dan teks jawi sehingga murid boleh membaca, membina dan menulis ayat atau teks dalam tulisan jawi . Jadual 1 di bawah menerangkan senarai kemahiran Jawi / tajuk secara khusus bagi bidang Jawi sekolah rendah (KPM,2015,2016,2017,2018,2019) :

**Jadual 1:** Kemahiran Jawi/Tajuk bidang Jawi sekolah rendah

TAHUN	KEMAHIRAN JAWI / TAJUK
1	Huruf tunggal, suku kata terbuka dan suku kata tertutup
2	Perkataan tiga suku kata atau lebih dan rangkai kata
3	Imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan imbuhan apitan
4	Kedudukan hamzah, perkataan ejaan tradisi dan perkataan pinjaman Bahasa asing
5	Teks cerita dan Khat Nasakh
6	Teks cerita dan Khat Riq`ah

Semua kemahiran Jawi yang diajar di sekolah rendah adalah manifestasi daripada sistem ejaan Jawi yang terdapat dalam *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*( PEJYD ) terbitan rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Sistem ini merupakan sistem ejaan Jawi yang terkini

yang disempurnakan daripada kaedah ejaan Jawi yang berdasarkan kaedah ejaan Jawi Za`aba (DBP, 2020). Oleh yang demikian, segala bentuk kaedah pengajaran dan kemahiran Jawi yang diajar kepada pelajar oleh Guru Pendidikan Islam mestilah berasaskan kaedah ejaan Jawi yang ditetapkan oleh pihak DBP. Ini selaras dengan arahan khusus daripada KPM dalam petikan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992 iaitu

“Mulai dari Tarikh ini (22Jan. 1992) Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu hendaklah digunakan di semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh negara” (DBP,2020).

Ini bermaksud PIK dalam bidang Jawi yang mesti dikuasai oleh semua guru Pendidikan Islam ialah bersumberkan *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dalam kajian Muhammad Haiy Rosman (2021) mendapat terdapat hubungan positif di antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran bagi mata pelajaran Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Ini bermakna terdapat kaitan antara penguasaan Jawi dengan dengan proses pengajaran bagi mata pelajaran Jawi. Ini bermaksud semakin tinggi penguasaan jawi seseorang guru itu, semakin bagus dan berkeyakinan juga proses pengajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Keadaan ini sudah tentu akan membantu murid-murid untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan dan seterusnya akan dapat meningkatkan penguasaan jawi dalam kalangan murid-murid.

## **KAEDAH DALAM PENULISAN JAWI**

Panduan pengejaan dan kaedah terkini dalam tulisan jawi di Malaysia boleh dirujuk pada buku *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*. Pedoman ini disusun berdasarkan dokumen pedoman ejaan jawi yang telah diterbitkan oleh DBP dan maklumat pedoman ejaan jawi yang diselaraskan selepas itu, khususnya daripada terbitan yang berikut:

- a. Daftar Ejaan Rumi-Jawi, Cetakan Kedua, 1989
- b. Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan, Cetakan Pertama Edisi Ketiga, 1993
- c. Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, Cetakan Pertama, 2001
- d. Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, Edisi Kedua, Cetakan 2008 dan 2016

Dari pada keterangan di atas, pedoman umum ejaan Jawi yang digunakan sekarang masih bersandarkan kaedah ejaan Jawi dalam buku Daftar Ejaan Melayu (1949) oleh Za`aba dengan beberapa penambahan telah dilakukan. Pada Dasarnya kaedah ejaan jawi Za`aba berasaskan tiga prinsip iaitu ekonomi, kepastian dan ramai pengguna.

Prinsip ejaan jawi Za`aba ini telah diubahsuai berdasarkan sistem bunyi dan bentuk kata dalam Bahasa Melayu dan telah dipecahkan kepada tiga kelompok sistem ejaan, iaitu:

- a. Kata Melayu jati
- b. Kata serapan daripada bahasa Arab.
- c. Kata serapan daripada bahasa Inggeris

Ketiga-tiga kelompok ini mempunyai sistem ejaan yang tersendiri. Kata Melayu jati ialah kata yang berasal daripada bahasa Melayu lama dan disebut dengan sistem sebutan Melayu oleh penutur Melayu. Kata serapan ialah kata daripada bahasa asing (Arab, Inggeris dan lain-lain) yang masuk ke dalam bahasa Melayu. Kata yang telah lama terserap atau sebat dengan sistem bunyi bahasa Melayu seperti kata serapan daripada bahasa Sanskrit, Tamil dan Cina akan dieja berdasarkan kaedah ejaan kata Melayu jati. Kata serapan yang sebutannya belum sebat dengan sebutan Melayu seperti sesetengah perkataan menggunakan huruf Arab, misalnya kata serapan daripada bahasa Parsi di eja mengikut sistem bunyi atau sistem ejaan bahasa sumber. Begitu juga dengan bahasa Eropah dan lain-lain yang belum sebat dengan sebutan Melayu di eja mengikut kaedah kata serapan daripada bahasa Inggeris (DBP,2020)

Kandungan asas dalam penulisan jawi ialah abjad dan huruf, bentuk huruf dan cara penulisannya, pelambangan vokal, pelambangan diftong, pelambangan konsonan, Pengejaan Kata Dasar Ekasuku, Pengejaan Kata Dasar Dua Suku Kata, Pengejaan Kata Dasar Tiga Suku Kata atau Lebih,, Pengejaan Kata Serapan daripada Bahasa Arab, Pengejaan Kata Serapan daripada Bahasa Inggeris, Penulisan Kata Terbitan, Penulisan Kata Tradisi, Penulisan Kata Sendi Nama, Penulisan Kata Ganti Singkat, Penulisan Partikel, Penulisan Kata Ulang( Kata Ganda), Penulisan Gabungan Kata(Kata Majmuk), Penulisan Akronim dan Singkatan, Penulisan Kata Nama Khas, Penulisan Angka dan Lambang Bilangan( Tarikh, Mata Wang, Sistem Nombor) dan Penulisan Tanda Baca (DBP, 2016) (DBP, 2020)

Dari pada kandungan asas dalam penulisan jawi tersebut, maka lahirlah beberapa hukum-hukum dalam ejaan Jawi antaranya Hukum Derlung, Hukum Kafga, Lampau Hukum Kafga Hukum Hamzah Sisip, Hukum Hamzah SeKeDi, Hukum Alif Pembeza, Hukum-Rama, Hukum Tiga Suku Kata atau Lebih, Lampau Hukum Tiga Suku Kata atau Lebih , Hukum A/Ha, Kaedah \_e/wa, Kaedah a/a+KT12, Lampau Kaedah a/a+KT12 ( Hamdan, 2016) (Haji Azman, 2014).

## **PENGETAHUAN KANDUNGAN (PIK) BIDANG JAWI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM**

Pengetahuan isi kandungan pengajaran (PIK) dalam bidang jawi ialah merujuk kepada penguasaan segala kaedah dan hukum ejaan Jawi. Penguasaan ini mestilah berlandaskan kepada kandungan yang terdapat dalam *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD) terbitan DBP.

Dalam kajian al-Johary dan Taat (2019) ke atas 150 orang guru yang mengajar Jawi di Brunei, didapati bahawa 21 orang sangat menguasai, 88 orang menguasai , 40 orang kurang menguasai dan seorang tidak menguasai. Ini menunjukkan tahap kemahiran mereka pada aras sederhana. Menurut Asyraf Ridwan (2011) didapati tahap penguasaan Jawi dikalangan guru pelatih menunjukkan pada tahap yang lemah.. Kajiannya mendapati 42 % iaitu 23 daripada 50 orang mendapat markah bawah 50 %. Berhanundin (2013) dalam kajian ke atas guru pelatih mendapati 6 orang daripada 80 guru pelatih mendapat markah di bawah 50 %. Walaupun

angkanya agak kecil tetapi kesannya agak besar ke atas pelajar. Begitu juga dengan kajian oleh Naquiah (2017) yang dilakukan ke atas guru Pendidikan Islam di Jasin Melaka, didapati tidak semua mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam Jawi. Ini menunjukkan tahap mereka masih rendah. Dalam kajian Asyraf Ridwan et. al (2018) yang menjalankan ujian menulis jawi ke atas 415 guru Pendidikan Islam, didapati terdapat guru yang mengeja dengan salah. Sebagai contoh pengejaan bagi perkataan *anbia`* hanya 128 guru sahaja yang menulis dengan tepat. Bakinya menulis dengan ejaan yang salah. Bahkan terdapat 11 jenis ejaan yang salah ditulis oleh GPI. Mereka juga turut lemah dalam pengejaan kata serapan dan juga fungsi huruf hamzah. Tambah beliau lagi, sesetengah GPI masih keliru dan ragu-ragu dalam menulis perkataan Jawi. Antara aspek kesalahan dan ketidakfahaman guru adalah dalam kaedah huruf hamzah, ejaan menggunakan huruf alif (dibuang atau dikekalkan), tidak mengenali jenis perkataan samada kata jati atau serapan asing, keliru pada penggunaan huruf pa, fa, ba dan kaf.

Dalam kajian Kamarulnizam Sani et. al (2021) mendapati kompetensi GPI terhadap pengetahuan isi kandungan menghasilkan tema subjek. Terdapat enam subjek pendidikan Islam yang diajar oleh GPI Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) iaitu bahasa Arab, al-Quran, Tajwid, Jawi, Sirah dan Akhlak. Subjek bahasa Arab merupakan subjek yang dominan yang diajar oleh GPI. Kajian oleh Ali (2011) dan Abdullah (2014) mendapati tahap penguasaan ejaan Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih rendah dan sederhana. Begitu juga dengan pendapat Bahrun (2011) dalam kajian yang dijalankan ke atas 265 guru pelatih di sebuah institut perguruan menunjukkan 57.7% mereka gagal untuk menguasai ejaan Jawi mengikut *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD). Menurut Hairul Aysa et. al (2010), hasil Analisa kajian mereka mendapati kurangnya kemahiran guru dalam Jawi telah menyebabkan proses PdP Jawi menjadi hambar, kurang menarik dan tidak disertai dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang efektif.

Kesimpulan berdasarkan hasil kajian diatas, kebanyakkan GPI masih berada tahap sederhana dalam penguasaan ejaan Jawi. Bahkan ada juga yang masih lemah. Ada beberapa kategori dalam penguasaan ejaan Jawi ini. 1) Lemah: GPI yang lemah semuanya samada menulis atau pengetahuan kaedah Jawi. 2) Sederhana: GPI yang pandai menguasai menulis Jawi tetapi lemah dalam pengetahuan kaedah Jawi. 3) Sederhana: GPI yang sederhana dalam menulis dan sederhana dalam pengetahuan kaedah Jawi. 4) Baik: GPI yang pandai dalam menulis dan berpengetahuan dalam kaedah Jawi. Jadinya, ramai GPI berada pada kategori 2 dan 3. Masih ada yang berada pada tahap 1.

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN ISI KANDUNGAN (PIK) BIDANG JAWI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, faktor bermaksud unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa faktor seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, tahap pendidikan, penghususan, pengalaman latihan dan sumbangan kepada aktiviti kemasyarakatan mempengaruhi kualiti seseorang guru secara umum. Hasil daripada penelitian dan perbincangan diatas, maka dapatlah disimpulkan ada tiga faktor yang dominan mempengaruhi penguasaan isi kandungan (PIK) Jawi iaitu demografi, latihan dan sistem ejaan Jawi.

Faktor yang pertama ialah demografi. Bagi faktor demografi, terdapat dua item yang mempengaruhi pengetahuan isi kandungan (PIK) jawi ialah tahap kelayakan professional dan pengalaman mengajar:

1. Tahap kelayakan profesional

Berdasarkan kajian Muhammad Haiy Rosman (2021) yang dijalankan ke atas guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang di bawah pentadbiran PPD Klang mendapat terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan Jawi dengan kelayakan professional dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Hasil kajian oleh al-Johary dan Taat (2019) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan Jawi guru sekolah rendah di negara Brunei Darussalam berdasarkan tahap kelayakan professional. Oleh hal yang demikian menunjukkan bahawa tahap kelayakan professional mempengaruhi penguasaan Jawi seseorang guru itu.

2. Pengalaman mengajar

Muhammad Haiy Rosman (2021) dalam kajian yang dijalankan ke atas guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang di bawah pentadbiran PPD Klang mendapat terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan Jawi dengan tempoh pengalaman mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Beliau telah membuat rumusan bahawa tahap penguasaan jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah di dorong oleh faktor tempoh mengajar. Tempoh pengalaman merupakan tempoh masa yang penting dalam meningkatkan kemahiran dan penguasaan seseorang. Begitu juga pendapat al-Johary dan Taat (2019). Kajian yang dijalankan oleh Yahya & Nor (2017) turut menemukan bahawa guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang agak lama memberi kelebihan dalam pengetahuan dan kemahiran dalam proses PdP.

Faktor yang kedua ialah faktor latihan. Latihan bermaksud pelajaran atau didikan untuk memahirkan (membiasakan) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Dalam Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2021 berkenaan dengan dasar Latihan Sumber Manusia Kementerian Pendidikan Malaysia, latihan bermaksud proses pemindahan ilmu pengetahuan secara sistematis, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Proses ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program *mentoring/coaching* atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

Dalam konteks PIK bidang Jawi, kekurangan latihan mendorong berlakunya kurangnya kefahaman guru berkenaan ejaan Jawi seperti yang dinyatakan oleh (Asyraf, 2018), kekurangan pendedahan kepada sistem ejaan Jawi terkini melalui bengkel dan kursus. Menurut Berliner (2005), faktor kekerapan menyertai latihan samada berkaitan kurikulum, P&P dan pembangunan diri turut diuji, bagi melihat samada terdapat perbezaan kualiti GPI berdasarkan faktor tersebut atau tidak. Kajian lepas mendapati kualiti guru menyumbang kepada kualiti sekolah secara umum dan prestasi murid secara khusus. Ia boleh ditambah baik menerusi program-program perkembangan profesionalisme seperti latihan, bengkel dan seminar. GPI

disarankan agar diberi kursus terutamanya berkaitan pedagogi, baik ketika guru dalam latihan mahupun selepas latihan dan hendaklah dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan profesion perguruan GPI (Abd Ghafar Mahmud, 2011; Asmawati Suhid, 2011). Terdapat juga Latihan yang disediakan tidak memenuhi kehendak guru, tidak berkualiti dan sekadar dibuat untuk mencukupkan jumlah jam berkursus sahaja. Noornajihan Jaafar (2015) berpendapat , bagi pihak yang menganjurkan kursus atau LDP samada pihak sekolah, KPM mahupun BPG, jenis dan pengisian program perlu disemak semua. Ini memandangkan dapatan kajian menunjukkan, pada pandangan GPI, perbezaan kekerapan latihan yang mereka serta, samada berkaitan P&P, kurikulum dan pembangunan diri tidak memberikan perbezaan kepada kualiti mereka. Beliau berpendapat bahawa latihan-latihan yang biasanya dianjurkan oleh pihak KPM, JPN dan PPD perlu disemak semula dari segi pelaksanaannya.

Faktor yang ketiga yang mempengaruhi pengetahuan isi kandungan (PIK) bidang Jawi ialah sistem ejaan Jawi. Penggunaan tulisan jawi banyak digunakan di sektor persekolahan menerusi mata pelajaran Pendidikan Islam yang disokong dengan buku-buku teks. Penggunaannya sangat meluas melalui akhbar, majalah laman web, buku, papan tanda dan sebagainya. Semakin luas lapangan penggunaannya semakin jelaslah sudut-sudut yang bermasalah yang dahulunya tidak terpandang. Kesemua masalah yang baru muncul ini boleh dikatakan berbangkit daripada huruf Rumi yang digunakan sebagai rujukan. Antara permasalahan yang dibangkitkan ialah Diftong dan gugus vokal daripada bahasa asing, penggunaan huruf alif pembeza, e-pepet dengan e-taling, satu huruf rumi berbilang padanan Jawi (Hamdan,2016). Pendita Za`aba juga telah berpesan:

“Tulisan Jawi itulah yang terlebih berkehendak diaturkan ejaannya dan disusunkan dia mengikut tertib hurufnya, kerana ejaannya banyak yang masih simpang perenang” (DBP, 2020).

Ramai GPI yang keliru dengan sistem ejaan yang sentiasa berubah-ubah. Permasalahan ini sentiasa ditangani oleh DBP. Atas usaha gigih DBP bersama pakar-pakar, maka terhasilah *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan* yang menjadi rujukan terkini, paling lengkap dan berautoriti kepada semua umat yang ingin belajar dan mendalamai ilmu Jawi.

## KESIMPULAN

Peranan dan tugas seorang pendidik bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu sahaja kepada pelajar, malah lebih luas daripada itu seorang pendidik khususnya guru Pendidikan Islam juga berperanan membentuk keperibadian dan memperkembang potensi individu secara menyeluruh bagi mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Bagi memastikan peranan ini dapat dimainkan dengan sebaiknya, para pendidik perlu menguasai kandungan ilmu mata pelajaran dan mempunyai pengetahuan pedagogi kandungan yang secukupnya (Siti Salwa, 2014). Kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penguasaan Jawi seseorang dengan PdP yang dijalankan. Ini bermaksud semakin tinggi penguasaan Jawi seseorang guru, semakin bagus dan berkeyakinan proses PdP yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Keadaan ini sudah tentu akan membantu murid-murid untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan dan seterusnya akan meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid.

Dalam konteks sistem ejaan Jawi, semua pihak terutamanya GPI mesti menjadikan *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD) sebagai rujukan utama untuk menguasai ejaan Jawi. Disamping itu, GPI juga mestilah sentiasa berusaha menambahkan ilmu Jawi dengan menghadiri kursus, latihan, bengkel dan seumpamanya secara berterusan. Bukan itu sahaja, sekarang ini sumber ilmu banyak dihujung jari sahaja. GPI boleh mencari banyak bahan berkenaan dengan ejaan Jawi dalam internet. Namun mesti berhati-hati kerana banyak juga bahan yang tidak relevan dan kurang kesahihannya. Carilah bahan di laman sesawang berautoriti seperti DBP, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), KPM dan sebagainya. Di samping itu juga, penguasaan pengetahuan kandungan ilmu mata pelajaran boleh ditingkatkan dengan menghadiri majlis-majlis ilmu dan perkongsian ilmu melalui perbincangan (Ab Halim et al., 2012) secara maya di peringkat sekolah, daerah dan juga negeri. Mengikuti perbincangan ilmiah melalui kumpulan yang ditubuhkan di aplikasi maya seperti Whatsapp, Telegram dan sebagainya adalah mekanisme terpantas dan termudah yang boleh dimanfaatkan oleh para guru bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diajar yang diperoleh daripada pihak tertentu yang bersedia berkongsi ilmu serta kepakaran. Justeru, GPI khususnya harus bersikap proaktif dengan berusaha menambah ilmu pengetahuan berkenaan bidang yang diajar melalui kursus-kursus, forum ilmu dan juga melalui pembacaan ilmiah bagi mengelakkan mereka daripada terus ketinggalan tanpa sebarang perkembangan ilmu.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *Global Journal At-Thaqafah* 2(2). 53-63.
- Abd Ghafar Mahmud. 2011. Pendidikan Islam: Harapan dan Masa Depan. Dlm. Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan. Kuala Lumpur 4-7 Disember 2011.
- Abd. Shukor Shaari & Noran Fauziah Yaakub. 2016. Pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang isi kandungan mata pelajaran dan pedagoginya. *Jurnal Bahasa* 161-177.
- Abdullah, B., & Ali, A. R. B. 2017. An Analysis of Errors in Jawi Writing : An Overview of the Mastery in Writing Jawi for j-QAF Trainee Teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(8): 314-324
- Abudin Nata. 2016. *Pendidikan Dalam Perspektif al-Quran*. Jakarta :PT. Karisma Putra Utama.
- Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. 2010. Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia. Dlm. *Proceedings of The 4th International Conference UPI & UPSI. Bandung, 8-10 November 2010*, hal. 321-329.
- Al-Abrasyi, Mohd. Atiyyah. 1974. *Dasar-dasar pokok pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Al-Nahlawi, ‘Abd Rahman. 1983. *Usul altarbiyyah alislamiyyah wa asalibiha fi al-bait wa al-madrasah wa al-mujtama’*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Asmawati Suhid. 2011. Program j-Qaf: Cabaran Kini, Harapan dan Masa Depan. Dlm. *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan. Kuala Lumpur, 4-7 Disember 2011*.
- Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah. 2015. Falsafah Pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. Dlm. *Proceedings of ICIC2015-*

*International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Malaysia, 6-7 September 2015, hal. 574-585*

- Asyraf Ridwan Ali, Berhanundin Abdullah & Norfadzilah Rashid. 2018. An Error Analysis Approach in Identifying the Patterns of Mistakes in Jawi Spelling. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences* 8(11):1222-1231. .
- Awang Mohamad Amin. 1989. Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa* 33(12), 937-941.
- Berhanundin Abdullah & Asyraf Ridwan. 2017. An Analysis of errors in jawi Writing : An Overview of the Mastery in Writing Jawi for j-QAF Trainee Teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(8):314-324.
- Berliner, d. c. 2005. The inner impossibility of testing for teacher quality. *Jounal of Teacher Education* 56: 205-213.
- Bhasah Abu Bakar, Mohd Nafiruddin Mad Siadid & Abdul Jadid Suwairi. 2012. Persepsi pelajar terhadap keberkesanan program j-QAF dalam kalangan pelajar tingkatan Satu kajian kes. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. Johor Bahru*.
- Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad. 2014. Tulisan Jawi dan cabarannya dalam mendepani zaman. Diambil pada 7 Mac 2014. daripada <http://noorsyams.blogspot.com/2014/03/tulisan-jawi-dan-cabarannya-dalam.html>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2015. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016. *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2020. *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abd Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah. 2009. Penguasaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa Pengajian Islam: kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun* (4):145-156.
- Hairul Aysa Abdul Halim Shitiq & Rohana Mahmud. 2010. Using an edutainment approach of a snake and ladder game for teaching Jawi script. In. *International Conference on Education & Management Technology*, hal. 228-231.
- Haji Azman bin Haji Ahmad. 2014. *Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hamdan Abdul Rahman. 2003. *Imbasan Sejarah Pemerksaan dan Peminggiran Tulisan Jawi*. Majalah Pelita Bahasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Abdul Rahman. 2016. *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz. 2009. Pemerksaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal Aswara* 4(1): 159-176.
- Hazlan Atan. 2019. Tahap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Mengajar Jawi Sekolah Rendah Daerah Klang. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulnizam Sani, Zetty Nurzuliana Rasheed, Norziah Othman & Hamdi Ishak. 2021. Kompetensi Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama Integrasi Negeri Selangor. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 5(1): 1-13.

- Kang Kyoung Seouk. 1990. *Perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2003: Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam:Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam:Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam:Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam:Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 3*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam:Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam:Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kleickmann, T., Richter, D., Kunter, M., Elsner, J., Besser, M. et al. 2013. Teachers' content knowledge and pedagogical content knowledge: The role of structural differences in teacher education. *Journal of Teacher Education* 64(1): 90-106.
- Maidin, Pisol & Ahmad, Thuraya. 2015. Kemahiran Kejuruteraan Perahu Melayu: Keahlian Jurubinanya Berdasarkan Teori Malakah Ibnu Khaldun. *Journal of Contemporary Islamic Studies* 1: 97-113.
- Mohd Mokhtar Shafii. 2015. Pelaksanaan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan Malaysia . *Jurnal Pendidikan Islam* 9(2): 21-28.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri & Rohizan Ya. 2012. Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan. Dlm. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*. Johor Bahru 8-9 Mach 2012, hal. 288-303
- Mohd. Alwee Yusoff. 2005. Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 21: 23-38.
- Muhammad Haiy Rosman & Mohd Isa Hamzah. 2021. Hubungan penguasaan Jawi dengan proses pengajaran guru di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(10): 81-90.
- Musbikhin. 2019. Kompetensi Pendidik Dalam Berbagai Perspektif. *Jurnal Ummu Qura* 13 1: 22.
- Naquiah & Jimaain . 2017. *Jawi Teaching Practice of Islamic Studies teachers in Jasin district primary school, Malacca : A pilot study*. Man in India 97(12): 91-99.

- Naquiah & Jimaaín. 2018. Penguasaan Pengetahuan Kandungan (content knowledge): pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial* 8(1): 44-59.
- Nazimah Mohamad @ Mohd Noor. 2013. Penggunaan modul pembelajaran kemahiran Jawi. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Islam* 22: 161-172.
- Nik Rusila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan pencapaian dan minat pelajar dalam pendidikan Islam. Tesis Sarjana Pendidikan Islam:Universiti Malaya.
- Noor Asmina Mohd Rashid, Shaharuddin Md Salleh & Norah Md Noor. 2019. Development of Jawi Spelling Skills Applications, ‘Oh Jawiku’. *Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*13(7): 80–89.
- Noor Azli Mohamed Masrop. 2014. Pembelajaran berasaskan permainan digital (PBPD) bagi Pendidikan Literasi Jawi Berasaskan Model Motivasi. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. 2015. Perbezaan kualiti guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan kekerapan menyertai latihan dalam perkhidmatan. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2):1-13.
- Norhazliana Mohd Hassan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin & Norlidah Alias. 2010. Isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah: Pandangan pakar. *Jurnal Pendidikan* 30: 63-84.
- Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. 2013. Kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Jawi bagi kanak-kanak prasekolah. *ESTEEM Academic Journal* 9(2): 28-38.
- Nur Syamira Abd Wahab, Maimun Aqsha Abdin Lubis & Aisyah Sjahrony. 2016. Aplikasi permainan bahasa bermultimedia ke arah memacu peningkatan kefahaman al-Quran dan Jawi. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. 1(1):1-12.
- Pekeling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2021: Dasar Latihan Sumber Manusia Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shulman, L.S. 1986. *Paradigms and research programs in the study of teaching : A contemporary perspective. Handbook Of Research On Teaching*. New York: Macmillan.
- Shulman, L.S. 1987. Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Education Review* 56(1): 1-22.
- Siti Salwa Ab. Manap, Rasidayanty Saion, Zainordin Rais & Jamil Abd Baser. 2014. Pengajaran Guru Opsyen dan Bukan Opsyen Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah di Batu Pahat. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.
- Suyanto & Asep Jihad. 2016. *Menjadi Pendidik Profesional*. Jakarta : Erlangga.
- Wan Hanisah Meor Abd Aziz & Mohd Aderi Che Noh. Penggunaan Kaedah Mnemonik Berbantuan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tajwid. Dlm. *Prosiding Seminar Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-11. Kuala Lumpur, 15-16 November 2016*.

Zarima, Nik Mohd Rahimi, Fatimah, Mohd Hilmi & Saipolbarin. 2016. Pengetahuan pedagogi Isi kandungan (PPIK) Guru Bahasa Arab sebutan konsonan Arab: Kajian kes di sekolah rendah. *Journal of Global and Social Entrepreneurship(GBSE)* 2(5):122-138.

Zelzy Shahar al-Johary & Muhammad Suhaimi Taat. 2019. Hubungan penguasaan Jawi dan kurikulum dengan proses pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di negara Brunei Darussalam. *Borneo International Journal of Education* 1: 91-100.